

Headline	Projek solar bantu UMPSA bebas karbon		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Kosmo 2	Page No	29
ArticleSize	881 cm <sup>2</sup>	Journalist	SAIRUL ZAMRI
PR Value	RM 68,589		



YUSERRIE (tengah) dan Mohd. Fadhl (empat dari kanan) ketika penyerahan solar panel hasil kolaborasi UMPSA bersama TNB menerusi anak syarikatnya, GSPARX di Pekan, Pahang baru-baru ini.

## Projek solar bantu UMPSA bebas karbon

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

**U**NIVERSITI Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) terus memperlihatkan komitmen dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) serta menilai usaha menangani masalah dunia berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

UMPSA sebagai universiti terbaik dalam rangkaian universiti teknikal Malaysia (MTUN) dan antara universiti terawal memiliki solar terapung di tasik.

Menariknya, solar itu dilengkapi dengan sistem apungan panel solar dan direka untuk bertahan di bawah perubahan cuaca.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Prof. Datuk Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, UMPSA gjat menjalankan inisiatif terhadap usaha memupuk kesedaran amalan lestari dengan pemasangan solar di universiti itu.

Katanya, ia melibatkan tiga kaedah iaitu pemasangan di atas bumbung bangunan, pemasangan di atas parkir atau dalam istilah teknikal ialah *Building Integrated Photo Voltic (BIPV)* dan pemasangan solar di atas permukaan tasik.

### Kampus



"Pada masa ini, solar terapung terdiri daripada 240 unit panel solar, 1 unit inverter 125 Amp dan lebih daripada 136 unit pelampung bagi membentuk kawasan seluas 2,574 meter persegi.

"Projek solar terapung ini mempunyai panel solar terapung berkapasiti 159 kWp bagi penjana bekalan elektrik sekurang-kurangnya 197,319 kW tenaga per tahun.

"Selain itu, ia berpotensi untuk mengimbangi pelepasan 126.1 tan gas CO2 dan merealisasikan hasrat menjadi negara bebas karbon.

"Manakala, pemasangan solar berkapasiti 3.58MWp di dalam kampus UMPSA telah dipasang di lapan lokasi iaitu enam lokasi pemasangan solar di atas atap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika gimik penyerahan projek solar UMPSA dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn. Bhd. (GSPARX) di kampus induk UMPSA, Pekan, Pahang baru-baru ini.

Katanya, pemasangan solar 3.58MWp

dijangka dapat mengurangkan penghasilan karbon dioksida (CO2) di dalam kampus UMPSA, Pekan sebanyak 47 peratus bersamaan penjimatan bil elektrik antara RM400,000 hingga RM600,000 setahun.

"UMPSA akan sentiasa berusaha untuk memperkenalkan teknologi serta amalan kelestarian kepada masyarakat, mendidik serta menjadi suri teladan (role model).

"Universiti membudayakan amalan lestari dan tenaga boleh diperbaharui dengan mengambil inisiatif terhadap usaha memupuk kesedaran.

"Ini termasuk mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan efisiensi tenaga dan mengurangkan penggunaan sumber tenaga fosil.

"Antaranya, termasuk penggunaan teknologi pengurusan tenaga yang canggih seperti penyejukan dan pemanasan yang efisien, pemasangan pencahayaan LED serta penggunaan sistem automasi pintar untuk mengawal penggunaan tenaga," ujarnya.

Jelasnya, menerusi langkah-langkah itu juga, UMPSA berperanan sebagai pusat inovasi, penyelidikan dan pendidikan dalam memupuk amalan lestari

kepada para pelajar.

Sementara itu, wakil TNB, Mohd. Fadhl turut berharap agar jalinan kerjasama antara UMPSA, TNB dan GSPARX itu dapat membuka lebih banyak potensi dan peluang dalam meneroka pelbagai aspek berkaitan tenaga.

Katanya, universiti turut memainkan peranan penting dalam menyediakan graduan yang peka terhadap isu-isu kelestarian dan mempersiapkan generasi masa depan menghadapi cabaran global berkaitan dengan tenaga serta alam sekitar.

Terbaharu, UMPSA turut menerima pengiktirafan Three Diamond bagi Penilaian Karbon Rendah Bangunan daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA).

Pengiktirafan itu membuktikan kemampuan universiti dalam melaksanakan usaha penggunaan tenaga elektrik yang efisien, tenaga boleh baharu dan mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida.



PANEL solar turut dipasang di atas permukaan sebuah tasik yang terdapat di dalam kampus UMPSA.